

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

## Pertimbang tambah kakitangan KKM

MELAKA TENGAH - Kerajaan diminta mempertimbangkan sekatan penambahan bagi kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM).

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda berkata, penambahan kakitangan dalam sektor berkenaan adalah relevan dan bertepatan dengan kehendak serta keperluan rakyat pada masa kini.

Menurutnya, terdapat banyak klinik yang baharu dibina dan dibuka, namun ada antaranya kekurangan kakitangan menyebabkan doktor, jururawat dan unit paramedik terpaksa berkhidmat tugas di beberapa tempat dalam satu masa, selain bertugas dalam tempoh yang panjang dari jam 6.30 pagi hingga jam 10 malam.

"Memang ada senarai klinik kesihatan harian ini menerima sehingga 1,000 pesakit sehari dan ia jumlah yang agak ramai seperti klinik kesihatan di Ipoh dan Kementerian Kesihatan mempunyai rekod tersebut.



Azih (tengah) melawat ruang pameran selepas merasmikan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Awam Zon Selatan 2019 di MITC, Ayer Keroh semalam.

"Kerajaan wajar me-longgarkan peluang itu kepada KKM bagi mengisi perjawatan penting melibatkan lebih 10,000 jawatan penting seperti doktor, jururawat dan unit paramedik," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Awam Peringkat Zon Selatan 2019 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh di sini semalam.

Azih berkata, realiti yang berlaku sekarang ialah setiap bangunan klinik ba-

haru telah memindah penjawat awam yang sebelum ini bekerja di hospital ke klinik sedia ada ke tempat baru.

"Keadaan itu menyebabkan kakitangan di hospital berkurangan sedangkan jumlah pesakit tidak pernah merosot, sebaliknya sentiasa bertambah sama ada di hospital lama maupun di klinik baharu," katanya.

Kelmarin, media melaporkan Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berharap agar kementerian itu dikecualikan daripada sekatan tersebut.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

## Urus penyakit jarang jumpa

Kementerian Kesihatan membangunkan Kerangka Kerja Kebangsaan Penyakit Jarang Jumpa bagi mewujudkan satu jawatkuasa tadbir urus pesakit penyakit jarang jumpa di Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata jawatkuasa itu akan melakukan advokasi pendidikan kesihatan, saringan dan diagnosis pesakit jarang jumpa.

"Ia turut memantapkan diagnosis sebelum kelahiran dan pemeriksaan bayi baru lahir, pengurusan klinikal, sistem rujukan, pengumpulan data serta penyelidikan berkaitan penyakit jarang jumpa," katanya. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 8  
 RUANGAN : NASIONAL

# 7,000 doktor klinik swasta kempunan caj konsultasi baharu

MTSHN arah kajian lanjut selepas dua kali mesyuarat pada April, Jun

Oleh Suzalina Halid  
 suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kira-kira 7,000 doktor klinik swasta negara ini, perlu menunggu lebih lama untuk mendapatkan kebenaran meningkatkan caj konsultasi khidmat perubatan ditawarkan mereka, selepas Majlis Tindakan Sarawak Negara (MTSHN) mengarahkan kajian baharu terhadap cadangan itu.

Keputusan itu dibuat oleh MTSHN ketika mesyuaratnya kelmarin. Ia adalah mesyuarat ketiga majlis itu berhubung cadangan penyelarasan caj konsultasi terbabit, selepas dua kali bermesyuarat pada April dan Jun lalu.

Mesyuarat yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, memutuskan perlu ada satu lagi kajian terhadap cadangan penyelarasan caj konsultasi itu sebelum boleh dimuktamadkan kerajaan.

Keputusan MTSHN itu nyata sesuatu yang amat sukar diterima oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) kerana caj terbabit dikatakan tidak dinaikkan kadarnya sejak 27 tahun lalu.

Presiden MMA, Dr N Ganabaskaran, berkata persatuan itu berpendapat tiada keperluan untuk kerajaan melakukan kajian baharu terhadap cadangan ter-

## SUSULAN KELUAR SWASTA NYAWA-NYAWA IKAN

### Kerajaan kaji keperluan naikkan caj konsultasi

• Kos ubat makin mahal, kerena TPA punca klinik persendirian makin t

Goh Mohd A dan Suzalina bnewspedia  
 Kuala Lumpur

**K**erajaan kaji keperluan naikkan caj konsultasi terbabit selepas dua kali mesyuarat dengan MMA dan DOCK, serta jalin fi



Semakan fi rundingan doktor swasta dimuktamad bulan depan

En Nose Aini Usman (PFI) Dato' Dr Goh Mohd A dan persatuan doktor swasta dimuktamad bulan depan

Dr Dzulkifly Ahmad, kerajaan menyelaraskan caj konsultasi

antara RM10 hingga RM35 yang

tidak berubah sejak 1992 kepada

antara RM30 hingga RM125, sa

ma seperti dikenakan di hospital

swasta.

babit kerana sebelum ini sudah dua kajian dibuat berhubung kesan penyelarasan caj konsultasi terhadap kenaikan harga.

"Kami amat dukacita dengan keputusan terbaru ini dan merasakan seolah-olah kami ditindas oleh kerajaan. Kami tidak setuju terhadap keperluan mengadakan satu lagi kajian kerana sudah ada dua kajian sebelum ini melalui mesyuarat MTSHN dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Kami amat mengharapkan kerajaan dapat membuat keputusan supaya tidak terus-terusan menghamparkan 7,000 doktor klinik swasta," katanya kepada BH, di sini, semalam.

Sebelum ini, BH melaporkan bahawa lebih 70 peratus operasi klinik swasta di negara ini ibarat 'nyawa-nyawa ikan' berikutan terpaksa berdepan dengan peningkatan harga ubat dengan caj

rawatan atau konsultasi yang tidak berubah sejak 27 tahun lalu.

Melalui laporan itu, doktor klinik swasta meminta kerajaan menyelaraskan caj konsultasi antara RM10 hingga RM35 yang tidak berubah sejak 1992 kepada antara RM30 hingga RM125, sama seperti dikenakan di hospital swasta.

Malah, melalui sesi *town hall* yang diadakan antara Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkifly Ahmad, dengan lebih 1,000 doktor klinik swasta turut 'berjanji' untuk membentangkan sekali lagi kepada Jemaah Menteri hasrat mereka supaya menyelaraskan caj konsultasi yang terangguh sekian lama.

Dr Ganabaskaran berkata, keengganan kerajaan memutuskan terhadap kadar caj konsultasi baharu itu dikhawatir memberi kesan lebih buruk kepada mereka, termasuk peningkatan jumlah penutupan klinik swasta.

Keratan akhbar BH pada 27 Mei dan 18 Oktober lalu.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 31  
 RUANGAN : SINAR NEGERI/PERAK

# Segera tangani chikungunya

*Perak ambil tindakan tangani wabak penyakit terbabit di Batang Padang*

NORMAWATI ADNAN

IPOH



AHMAD FAIZAL

Kerajaan Perak akan mengambil tindakan susulan dengan segera bagi menangani wabak chikungunya yang kini menular dalam daerah Batang Padang.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, indakan itu akan membabitkan semua agensi dan jabatan secara otal kerana ia melibatkan keselamatan awam.

"Saya akan mendapatkan la-

poran lengkap berkaitan isu ini daripada Exco Kesihatan pada mesyuarat bersama Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

"Langkah-langkah wajar akan diambil kerana kita nak pastikan keselamatan rakyat diutamakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai satu makluman yang tular kelma-

<b>PEJABAT KESIHATAN DAERAH BATANG PADANG</b> <b>JALAN 10/11, TINGKAT 1, BLOK D, BERSAMA-SAMA,</b> <b>MACHANG, PERAK</b>																								
<i>Surat Perintah</i> <i>Perintah</i> <i>Pengesahan</i> <i>Tarikh:</i> 10/11/2019 <i>10/11/2019</i>																								
<b>PEGAWAI PENDIDIKAN DAN DAERAH</b> <b>PEJABAT PENDIDIKAN DAN DAERAH BATANG PADANG, TAPAH, PERAK</b>																								
<b>MAKLUMAN KES WABAK CHIKUNGUNYA BERMAMPARIK LOKALITI DAN KEPERLUAN TINDAKAN SUDAHAN</b>																								
Dapat dirujuk bantuan dan perkhidmatan dari ahli swasta. 1. Untuk bantuan dan perkhidmatan profesional, sila hubungi Vektor Daerah Batang Padang atau mewarung berikut di daerah Chenderiang dan Chikungunya menjelang percutian sekolah. <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bid.</th> <th>Alamat</th> <th>Status Wabak (semasa)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>SJKC Taman Air Kuning</td> <td>Chikungunya</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Pejabat Pidato</td> <td>Batu</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Taman Tepi Sungai</td> <td>Batu Padang</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Taman Segar</td> <td>Batu Padang</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Taman Daya</td> <td>Batu</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>Kg Baru Kg Piring</td> <td>Batu Padang</td> </tr> </tbody> </table> 2. Majlis dan Guru sebaiknya lama mendengar lokasi di kawasan selatan dan utara di Pejabat Pendidikan, Pejabat Batang Padang, Kuarantin Kedudukan Guru, Jalan Pahang, Sekolah Menengah Sains Tapah dan STCMC kecuali bukti lokasi tersebut untuk mendapat saranan permasalahan dan maklumat lanjut tentang wabak chikungunya di kawasan tersebut. Objek berkenaan adalah sebagai berikut: a) Taman Segar, Taman Daya dan Taman Tepi Sungai. b) Kampung Baru Air Kuning Chenderiang dan Chikungunya adalah seperti berikut: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dan...</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Nikmati dengan bersama-sama dan pulihlah</td> </tr> </tbody> </table>		Bid.	Alamat	Status Wabak (semasa)	1	SJKC Taman Air Kuning	Chikungunya	2	Pejabat Pidato	Batu	3	Taman Tepi Sungai	Batu Padang	4	Taman Segar	Batu Padang	5	Taman Daya	Batu	6	Kg Baru Kg Piring	Batu Padang	Dan...	Nikmati dengan bersama-sama dan pulihlah
Bid.	Alamat	Status Wabak (semasa)																						
1	SJKC Taman Air Kuning	Chikungunya																						
2	Pejabat Pidato	Batu																						
3	Taman Tepi Sungai	Batu Padang																						
4	Taman Segar	Batu Padang																						
5	Taman Daya	Batu																						
6	Kg Baru Kg Piring	Batu Padang																						
Dan...																								
Nikmati dengan bersama-sama dan pulihlah																								
3. Makluman ini diberikan kepada ahli domem sebagaimana yang dihubungkan oleh syarikat Nada Nama perniagaan berikut, antara lain kepada ahli rumah yang tinggal dalam kawasan ini dan maklumat lokasinya boleh dilihat dengan mudah. Pejabat yang mempunyai maklumat yang diberikan diatas segera beritahu.  • Nada Nama • Nikmati dengan bersama-sama dan pulihlah																								

**Surat makluman berkaitan wabak chikungunya di daerah Batang Padang yang tular sejak kelmarin.**

rin berkaitan perkembangan terkini wabak chikungunya dalam daerah Batang Padang.

Surat makluman yang tular daripada Pejabat Kesihatan Da-

rah Batang Padang kepada Pejabat Pendidikan Daerah itu memberitahu, Unit Kawalan dan Pencegahan Penyakit Bawaan Vektor telah mengisyiharkan wabak chikungunya berlaku di enam lokaliti dalam daerah Batang Padang.

Kampung Baru Air Kuning dalam mukim Chenderiang telah diletakkan sebagai kawasan hot-spot sementara di Pekan Bidor wabak tidak terkawal.

Empat lagi lokaliti iaitu Taman Tapah, Taman Tapah Baru, Taman Daya dan Kampung Baru Kampung Pahang sebagai wabak terkawal.

Makluman itu juga memberitahu bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Batang Padang, kuarters kediaman guru di Jalan Pahang, Sekolah Menengah Sains Tapah dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Kampung Pahang berisiko untuk mendapatkan sebaran penyakit.